

→ INOVASI

Info

PadiU
Putra

→ **Mempunyai ciri** ketahanan kepada serangan penyakit karah yang biasa menyerang pokok padi.

→ **Di Terengganu,** hampir 200 hektar tanaman padi musnah akibat penyakit karah.

→ **Dikategorikan** dalam jenis padi beras panjang yang matang hanya dalam tempoh 110 hari dan mampu menghasilkan produktiviti antara 10 hingga 12 metrik tan sehekar.

→ **Kajian permulaan** di Kampung Lubuk Kawah, Jertih, Oktober lalu mendapati tanah sawah di Besut sesuai untuk penanaman PadiU Putra dan berjaya menghasilkan sehingga 9 metrik tan sehekar.

PadiU Putra jana 12 tan hasil sehektar

→ Benih baharu inovasi Universiti Putra Malaysia dilancar

Oleh **Mohammad Ishak**
bhkt@bh.com.my

► **Jertih**

Universiti Putra Malaysia (UPM) melancarkan benih padi baharu 'PadiU Putra' yang dapat meningkatkan hasil pengeluaran padi negara, antara sembilan inovasi baharu hasil penyelidikan universiti itu menerusi program pembangunan hasil padi.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh, berkata program penyelidikan itu yang membabitkan pensyarah dan pelajar diharap dapat menyumbang kepada peningkatan hasil padi.

"Ini sekali gus meningkatkan pendapatan petani terutama di kawasan jelapang padi negara termasuk Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) di Kelantan, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di Kedah, Kawasan



Idris menyampaikan benih PadiU Putra kepada wakil petani di Kampung Pulau Kala, Besut, semalam.

Pembangunan Pertanian Bersepadu Pulau Pinang (IADP Barat Daya), IADP Selangor dan IADP Ketara di Besut," katanya pada Pelancaran PadiU Putra di Pusat Belian Padi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kerandang, dekat sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Perusahaan Perladangan dan Komoditi Negeri, Datuk Muhammad Pehimi Yusof; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ja-

bi, Mohd Iskandar Jaafar; ADUN Kuala Besut, Tengku Zaihan Che Ku Abdul Rahman dan Naib Canselor UPM, Datin Paduka Dr Aini Ideris.

Inovasi teknologi baharu

Inovasi teknologi baharu itu membabitkan baja semburan, biobaja, humik asid teraktif, kawalan perosak tikus, ramalan serangga, varieti dan pertanian presis.

Idris berkata, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) memperun-

tukkan RM10 juta menerusi Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS) untuk diguna pakai UPM bagi tujuan penyelidikan dalam usaha membantu komuniti terutama petani.

Katanya, dengan teknologi baharu itu, petani di kawasan jelapang padi IADP Ketara, dijangka dapat menghasilkan purata pengeluaran sehingga tujuh tan sehektar menjelang tahun 2020 berbanding 5.2 tan pada masa ini.